

05 JUN 1999

Agong-Anugerah

SERAMAI 41 ORANG TERIMA ANUGERAH DAN PINGAT DARI AGONG

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menganugerahkan darjah kebesaran, bintang dan pingat kepada 41 orang sempena Hari Keputeraan baginda ke 73 hari ini.

Mereka merupakan kumpulan pertama daripada 2,017 orang yang disenaraikan sebagai penerima darjah kebesaran dan pingat.

Yang turut berangkat ke istiadat yang berlangsung di Balai Rong Seri Istana Negara itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah. Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri kabinet.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dan Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Lamin Yunus mengetuai senerai penerima dengan dianugerahkan Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri.

Anugerah bintang dan pingat yang turut disampaikan ialah darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) kepada 12 orang, Panglima Setia Mahkota (Kehormat) (seorang), Panglima Jasa Negara (PJN) (9 orang), Panglima Setia Diraja (4 orang), Johan Mangku Negara (5 orang) dan Johan Setia Mahkota (8 orang).

Antara penerima darjah PSM yang membawa gelaran Tan Sri ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Datuk Seri Mohd Zahidi Haji Zainuddin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Samsudin Osman, Pengerusi Lembaga Tabung Haji Datuk Haji Ahmad Razali Mohd Ali dan Duta Khas ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Datuk Abdullah Ahmad.

Penerima darjah PJN yang membawa geraldan Datuk termasuk Pegawai Khas kepada Perdana Menteri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Dr Raj Karim, dan Rektor Institut Teknologi Mara Datuk Dr Haji Ahmad Zaidee Laidin.

Seorang editor New Straits Times Hardev Kaur ialah antara yang menerima pingat JMN.

--BERNAMA

NZ MAI